

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR



Ancaman terbesar kepada planet bumi adalah idea bahawa ia akan diselamatkan oleh orang lain. ”

Robert Swan
(peneroka warga Britain, penjaga alam sekitar, dan pengasas Yayasan 2041 yang mempromosikan kitar semula serta tenaga boleh diperbaharui)

ooo Ringkasan Impak 2025

Komitmen alam sekitar Yayasan JCorp pada tahun 2025 memberi tumpuan kepada usaha memulihkan ekosistem dengan hasil yang jelas dan boleh diukur. Dari dasar laut Pulau Aur hingga ke lanskap daratan di seluruh Johor, projek pemuliharaan utama kami berjaya mencapai kadar kelangsungan hidup 100% bagi pemulihan terumbu karang, serta mencapai perkembangan ketara dalam penyerapan karbon. Melalui penglibatan aktif sukarelawan dan pelaksanaan hab kitar semula yang inovatif, kami bukan sahaja melindungi alam sekitar, malah membina ekosistem yang membolehkan alam semula jadi dan komuniti berkembang secara seimbang dan mampan.





Jumlah Peruntukan sebanyak

RM1 Juta

Program Dilaksanakan

8

Jumlah Sukarelawan

226 orang**Butiran Impak****10,049** pokok ditanam
melibatkan **46** lokasi.**100%** kadar kelangsungan
hidup bagi **250** terumbu karang yang
ditanam.**23,008kg** sisa berjaya
dialihkan daripada tapak pelupusan
menerusi Hab Kitar Semula di B5 Johor
Street Market sejak 2024.Potensi penyerapan karbon dianggarkan
sebanyak **74.2** metrik tan dalam
tempoh lima tahun akan datang.**Bidang
Fokus
untuk Masa
Hadapan**

Memperkuh Program
Eko-Pelancongan Utama
serta Usaha Pemuliharaan,
termasuk Pemulihan
Terumbu Karang, Pemuliharaan
Ekosistem Rumput Laut,
dan Pemulihan Hutan
Paya Bakau.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- SWM Environment Sdn Bhd
- B5 Johor Street Market

WASTE TO WONDERS: MENGALAKKAN AMALAN KITAR SEMULA DALAM KOMUNITI



Yayasan JCorp, Majlis Bandaraya Johor Bahru, dan SWM Environment berjaya mengumpul lima tan bahan kitar semula di B5 Johor Street Market pada 9 Februari 2025. Kutipan ini merangkumi kertas, plastik, aluminium, barangan elektronik, fabrik, serta minyak masak terpakai. Inisiatif ini memudahkan komuniti sekitar untuk turut serta dalam usaha menjaga alam sekitar serta mengamalkan kitar semula secara bertanggungjawab.

Acara ini turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan amalan kitar semula, di samping mempromosikan Hab Kitar Semula Yayasan JCorp yang telah beroperasi sejak November 2023, sekali gus menunjukkan bagaimana sisa boleh diubah menjadi sumber yang bernilai apabila diurus secara bertanggungjawab.

Pelbagai aktiviti turut diadakan seperti kempen derma dan pertukaran buku, aktiviti kecergasan serta pertandingan mewarna, di mana acara ini menonjolkan usaha komuniti dalam memupuk amalan lestari secara meluas, selain membuktikan bahawa sisa boleh diolah semula menjadi sumber dan sesuatu yang bernilai.



Imbas untuk melihat sokongan padu untuk inisiatif Waste to Wonder.



Objektif Program

- ▶ Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula.
- ▶ Memudahkan aktiviti kitar semula menerusi hab pandu lalu.
- ▶ Menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kitar semula.

Impak Program

- ▶ Bagi tempoh 2024 hingga Mac 2026, aplikasi KITAREcycle di B5 Johor Street Market telah merekodkan sebanyak **119** pengguna.
- ▶ Lebih **5** tan bahan kitar semula berjaya dikumpulkan, termasuk **2,962kg** bahan menerusi KITAREcycle, **1,384kg** fabrik, dan **888kg** minyak masak terpakai.
- ▶ Melibatkan **50** sukarelawan daripada Sahabat Yayasan JCorp, Institut Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim dan University of Southampton Malaysia.
- ▶ **120** orang menyertai aktiviti pandu lalu kitar semula, **70** peserta menyertai aktiviti "Pound Fit", serta **100** orang menyertai pertandingan mewarna.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- SWM Environment Sdn Bhd
- B5 Johor Street Market

INOVASI HAB KITAR SEMULA JADI INSPIRASI KEPADA DELEGASI LAWATAN



**Hab Kitar Semula Pandu
Lalu Yayasan JCorp
di B5 Johor Street
Market terus mendapat
perhatian sebagai
inisiatif kitar semula
yang memberi manfaat
kepada komuniti
setempat.**

Pada 13 Mac 2025, hab kitar semula ini menerima kunjungan delegasi daripada Majlis Daerah Kapit, Sarawak; Iskandar Regional Development Authority (IRDA); serta Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), yang berminat mempelajari bagaimana program kitar semula berstruktur mampu mengubah sisa menjadi sumber bernilai secara berkesan, sekali gus menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan.

Momentum ini diteruskan dengan lawatan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu, Sarawak pada 21 Mei 2025 untuk meninjau bagaimana Hab Kitar Semula di B5 Johor Street Market mampu memupuk amalan bertanggungjawab di samping meningkatkan kesedaran pentingnya menjaga alam sekitar dalam kalangan komuniti. Dibangunkan oleh Yayasan JCorp bersama SWM Environment dan B5 Johor Street Market, hab ini mengamalkan pendekatan pengurusan sisa yang praktikal serta berpotensi diperluas ke lokasi lain.

Lawatan-lawatan ini mengukuhkan kedudukan Hab Kitar Semula di B5 Johor Street Market sebagai contoh rujukan bagi inisiatif kitar semula berasaskan komuniti yang memberi impak tinggi, sekali gus menggalakkan pelaksanaan amalan serupa secara lebih meluas di seluruh Malaysia.





Objektif Program

- ▶ Menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan isi rumah menerusi inisiatif pandu lalu.
- ▶ Menggalakkan pelupusan minyak masak terpakai secara lebih selamat dan teratur.
- ▶ Menyokong aspirasi sisa sifar dan karbon rendah oleh MBBJ.

Impak Program

- ▶ Pada tahun 2025, sebanyak **15,849kg** bahan kitar semula berjaya dikumpul, menunjukkan komitmen komuniti yang semakin meningkat terhadap amalan lestari.
- ▶ Dalam tahun yang sama, inisiatif Kitar Semula Pandu Lalu berjaya mengumpulkan sebanyak **6,308kg** bahan kitar semula, sekali gus memudahkan lebih ramai masyarakat untuk turut serta dalam amalan kitar semula.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- KPJ Bandar Maharani Specialist Hospital
- Johor Plantations Group Berhad
- Waqaf An-Nur

MENYEMAI ASAS KUKUH KE ARAH MASA DEPAN LEBIH HIJAU



Komitmen Yayasan JCorp terhadap penjagaan alam sekitar diterjemahkan menerusi beberapa usaha penanaman pokok di seluruh Johor pada tahun 2025 sebagai tanda sokongan kepada kempen *One Million Roots for the Future (1MRFF)* anjuran Johor Plantations Group.

Yayasan JCorp bekerjasama dengan Hospital Pakar KPJ Bandar Maharani, Muar untuk menanam 1,111 pokok bakau di Laman Bakau Parit Kassim, Muar, jumlah simbolik bersempena ulang tahun ke-11 hospital tersebut. Seramai 80 sukarelawan daripada Johor Corporation dan Syarikat Dalam Kumpulan turut serta dalam program ini yang bertujuan melindungi ekosistem pesisir pantai, mengurangkan jejak karbon, serta memperkukuh biodiversiti di Muar. Pokok bakau yang ditanam mampu menyerap karbon tiga hingga lima kali lebih tinggi berbanding hutan tropika lain, menjadikannya penanaman perubahan iklim yang penting.

Yayasan JCorp bersama Johor Plantations Group, Waqaf An-Nur, Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Pulau Tanjung Surat (PSHBTS) dan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang turut menanam 2,000 pokok bakau di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi, sekali gus memperluas impak inisiatif tahun sebelumnya. Sebagai pelengkap kepada program tanam pokok ini, Yayasan JCorp turut menyumbang papan pintar interaktif bernilai RM11,000 kepada SK Tanjung Surat bagi menyokong pembelajaran di bilik darjah.

Pada 11 Disember 2025, Yayasan JCorp bersama Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang turut mengadakan aktiviti menanam 500 pokok bakau di Pulau Tanjung Surat, menjadikan jumlah keseluruhan pokok bakau yang ditanam di kawasan tersebut di bawah inisiatif 1MRFF mencecah 3,500 sejak program ini bermula pada tahun 2024.



Imbas untuk menonton video Program
Penanaman Pokok Bakau di Pulau Tanjung
Surat, Kota Tinggi.

- ▶ Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Pulau Tanjung Surat
- ▶ KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital



Objektif Program

- ▶ Menggalakkan penyertaan komuniti setempat dalam usaha pemuliharaan alam sekitar, khususnya pemulihan hutan paya bakau.
- ▶ Meningkatkan jumlah penanaman pokok bakau bagi memulihkan ekosistem pesisir pantai serta melindungi biodiversiti.
- ▶ Memperkukuh kerjasama dengan NGO dan pelbagai organisasi bagi memperluas impak inisiatif alam sekitar.
- ▶ Menyokong pembelajaran alam sekitar melalui sumbangan papan pintar, sekali gus memupuk kesedaran tentang kelestarian dalam kalangan pelajar.

Impak Program

- ▶ **1,111** pokok bakau berjaya ditanam di Laman Bakau Parit Kassim, Muar dengan penglibatan **80** orang sukarelawan.
- ▶ **3,500** pokok bakau telah ditanam di Pulau Tanjung Surat menerusi kempen 1MRFF.
- ▶ Ekosistem bakau menyumbang kepada penyerapan karbon yang tinggi, dengan keupayaan menyerap **3** hingga **5** kali ganda lebih banyak karbon berbanding hutan tropika lain.
- ▶ Dari 2024 hingga kini, **4,826** pokok bakau telah ditanam dengan kadar kelangsungan hidup sebanyak **70%**.

BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR

Kerjasama

- SWM Environment Sdn Bhd
- Majlis Daerah Mersing
- Johor Plantations Group Berhad
- Wentel Engineering

**YOK! BERSIH PANTAI:
MISI BERSIH PANTAI @ PANTAI PENYABONG**

SWM Environment Sdn Bhd, dengan kerjasama Yayasan JCorp dan Majlis Daerah Mersing, menganjurkan program pembersihan pantai YOK! Bersih Pantai di Pantai Penyabong, Mersing. Seramai 120 sukarelawan daripada SWM Environment, Yayasan JCorp, Johor Plantations Group Berhad, Majlis Daerah Mersing, Wentel Engineering, JStar Motion, serta para pelajar SK Penyabong berganding bahu mengutip 420 kg sisa buangan, termasuk 170 kg bahan kitar semula. Pada program ini turut diadakan gimik pelancaran Cabaran Botol Kaca Kitar Semula, yang melibatkan 60 sekolah di seluruh Johor bermula Julai 2025 bagi menyemai budaya kitar semula dalam kalangan generasi muda Johor.



- ▶ JStar Motion
- ▶ SK Penyabong
- ▶ RTM Johor



Objektif Program

- ▶ Memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar menerusi aktiviti pembersihan di lapangan.
- ▶ Mengutip dan mengumpul sisa buangan bagi meningkatkan tahap kebersihan kawasan pesisir pantai.
- ▶ Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai organisasi bagi memperkukuh usaha pemuliharaan alam sekitar secara berterusan.

Impak Program

- ▶ Seramai **120** sukarelawan daripada **5** organisasi dan **1** sekolah menyertai program ini.
- ▶ **420kg** sisa buangan berjaya dikumpul.
- ▶ **6** kerjasama strategik berjaya dijalin bersama organisasi berkaitan.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- Johor Plantations Group Berhad
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi
- Universiti Teknologi Malaysia

TUMBUH BERSAMA: POKOK UNTUK SEKOLAH



Yayasan JCorp bersama Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan disokong oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Tinggi telah mengadakan program Tumbuh Bersama : Pokok Untuk Sekolah (*Growing Together: Trees for Schools*) di Sungai Johor Eco Retreat (SUNJER) dari 25 hingga 26 Jun 2025 di bawah inisiatif 1MRFF. Para pelajar dan guru menyertai aktiviti penanaman pokok dan menghadiri sesi perkongsian menarik mengenai Penanaman Pokok & Perubahan Iklim oleh Dr Nur Bahiyah binti Abdul Wahab, Pensyarah IPG Kampus Temenggong Ibrahim.

Sebelum aktiviti penanaman dijalankan, sekolah-sekolah yang terlibat menghadiri beberapa siri bengkel kelestarian bagi meningkatkan pemahaman mengenai alam sekitar. Bengkel ini memperkenalkan asas kelestarian menerusi sesi perkongsian oleh Encik Mohd Radzi Muhamad Dul dari Bahagian Kelestarian JPG; meneroka pengurusan sisa organik menerusi sesi interaktif biokompos *Waste to Wealth* yang dikendalikan Dr Huszalina Hussin, Pensyarah Kanan Jabatan Biosains, UTM; serta menekankan pemuliharaan biodiversiti menerusi sesi perkongsian bersama Dr Wong Ee Phin, Ketua Penyelidik Management & Ecology of Malaysian Elephants (MEME).

Bagi memastikan peserta bersedia sepenuhnya, taklimat dalam talian turut diadakan untuk membimbing pelajar dan guru mengenai teknik penanaman pokok yang betul. Inisiatif ini melengkapkan peserta dengan pengetahuan praktikal mengenai kelestarian, pengkomposan, dan pemuliharaan biodiversiti, sekali gus memupuk kesedaran tentang penjagaan alam sekitar yang lebih mendalam dalam kalangan generasi muda Johor.



Imbas untuk maklumat lanjut mengenai kempen 1MRFF JPG.

- ▶ IPG Kampus Temenggong Ibrahim
- ▶ Management and Ecology of Malaysian Elephants
- ▶ Majlis Bandaraya Johor Bahru



Objektif Program

- ▶ Menyediakan pengalaman pembelajaran praktikal menerusi aktiviti penanaman pokok.
- ▶ Melibatkan pihak sekolah dalam usaha pemuliharaan alam sekitar serta pembinaan daya tahan terhadap perubahan iklim.
- ▶ Mempromosi agenda kelestarian menerusi penanaman dan penjagaan pokok secara berterusan.

Impak Program

- ▶ **3** pakar dari Universiti Teknologi Malaysia, Management and Ecology of Malaysian Elephants, serta Kampus Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim, Johor berkongsi mengenai penanaman dan penjagaan pokok.
- ▶ Seramai **1,075** pelajar dari **43** sekolah telah mengambil bahagian dalam program ini.
- ▶ **6,938** pokok ditanam, menyumbang kepada usaha penghijauan setempat.
- ▶ MBBJ menyumbang **7,000** unit baja kompos sekali gus membantu kesuburan tanah dan pertumbuhan pokok-pokok yang ditanam.

BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR

Kerjasama

- Universiti Malaya
- Pejabat Daerah Mersing
- Tourism Johor
- The MareCet Research Organization

**MENEROKA EKOSISTEM RUMPUT LAUT,
KHAZANAH TERSEMBUNYI DI PERAIRAN JOHOR**

Yayasan JCorp bersama Universiti Malaya dan Pejabat Daerah Mersing telah melancarkan Program *Seagrass Ecotourism Experience* di KampungStay @ Teluk Buih, Mersing, sebagai satu inisiatif untuk mempromosikan pelancongan marin di Johor serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan rumput laut. Seramai 55 peserta menyertai program eksplorasi rumput laut di Pulau Setindan pada 1 hingga 2 Julai 2025, iaitu antara kawasan marin di Johor yang masih terpelihara ekosistem rumput lautnya. Di bawah bimbingan Profesor Madya Dr Jilian Ooi, para peserta yang terdiri daripada penyelidik, NGO, penggiat pelancongan tempatan, nelayan, ahli komuniti, serta anggota pekerja Kumpulan JCorp meneroka kawasan rumput laut secara langsung, sekali gus meningkatkan pemahaman tentang kepentingan ekosistem ini sebagai asas biodiversiti marin dan sumber mata pencarian pesisir pantai, serta peranan pemantauan rumput laut dalam menilai kesihatan ekosistem.



Ikuti pengalaman para peserta dalam program Pengalaman Eko-Pelancongan Rumput Laut pada 1 & 2 Julai 2025.





Objektif Program

- ▶ Memperluas pemahaman masyarakat tentang ekosistem rumput laut dalam menyokong kelestarian marin dan ketahanan iklim.
- ▶ Menggalakkan komuniti setempat untuk terlibat secara aktif dalam usaha pemuliharaan dan penjagaan jangka panjang ekosistem pesisir pantai.
- ▶ Menjadikan pemuliharaan rumput laut sebagai pemangkin kepada eko-pelancongan serta pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Impak Program

- ▶ **55** peserta terlibat secara langsung termasuk penyelidik, NGO, sukarelawan dan pengusaha tempatan.
- ▶ Peningkatan kesedaran awam terhadap kepentingan rumput laut yang sebelum ini kurang diberi perhatian dan mendapat lebih **10** liputan media serta pihak berkuasa tempatan.
- ▶ Setiap peserta berperanan sebagai **duta alam sekitar**, dengan potensi untuk menyebarkan lagi kesedaran kepada komuniti lain.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- Reef Check Malaysia
- Malaysian Society of Marine Sciences

MEMULIHKAN TERUMBU KARANG, MEMPERKASA KOMUNITI




Yayasan JCorp meneruskan komitmen jangka panjang dalam pemuliharaan marin bagi tahun kedua melalui Program Rehabilitasi Terumbu Karang di Pulau Aur, Mersing. Dari 18 hingga 20 Julai, sebanyak 200 karang baharu ditanam, sekali gus memperluaskan kawasan terumbu karang kepada 60m x 55m.

Dengan kerjasama Reef Check Malaysia, program ini memperkenalkan teknik eko-inovatif menggunakan botol kaca serta struktur berasaskan konkrit dan simen hijau bagi menyokong pemulihan jangka panjang terumbu karang. Hasil pemantauan menunjukkan pertumbuhan terumbu karang yang sihat dengan purata 2cm sejak 2023 serta tiada tanda tekanan atau kerosakan dan menjadikan kawasan terumbu karang tersebut kini habitat kepada lebih 10 spesis marin, termasuk *Bluefaced Angelfish*, *Regal Angelfish* dan *False Clown Anemonefish*.

Selain usaha pemuliharaan, program ini turut melibatkan aktiviti komuniti seperti pembersihan pantai yang berjaya mengumpulkan 350kg sisa, serta penyerahan sumbangan tunai kepada penduduk Pulau Aur. Acara sukan rakyat juga dianjurkan, dan pada sebelah malam tumpuan beralih kepada persembahan bakat tempatan menerusi Pentas Seni Johor: Aur Idol.



Imbas untuk pandangan pakar marin mengenai Program Rehabilitasi Terumbu Karang oleh Yayasan JCorp.



Objektif Program

- ▶ Memperbaiki ekosistem terumbu karang melalui penambahan fragmen baharu di kawasan sedia ada.
- ▶ Meningkatkan biodiversiti marin dengan menambah baik habitat terumbu karang.
- ▶ Meningkatkan kemahiran dan kesedaran komuniti setempat terhadap pemuliharaan alam sekitar, khususnya rehabilitasi terumbu karang.

Impak Program

- ▶ **250** terumbu karang berjaya ditanam di Pulau Aur sejak program rehabilitasi terumbu karang dimulakan pada tahun 2023.
- ▶ Sebanyak **RM34,300** telah disumbangkan kepada **39** orang penduduk di Pulau Aur.
- ▶ Terumbu karang yang ditanam menunjukkan pertumbuhan lebih 2cm dan kekal sihat, menjadikan kawasan tersebut didiami oleh lebih 10 spesis habitat marin.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

Johor Sustainability Centre

IGEM 2025: MENGGERAKKAN INOVASI BAHARU UNTUK MASA DEPAN LESTARI



Johor Corporation menerusi Yayasan JCorp menyertai Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM 2025) yang berlangsung dari 15 hingga 17 Oktober 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Sebagai salah satu pameran terbesar bagi inisiatif hijau, acara ini menjadi platform utama untuk perkongsian ilmu berkaitan kelestarian, membolehkan Yayasan JCorp berhubung dengan pelbagai pihak berkepentingan, dan inovator dalam bidang teknologi hijau. Sepanjang acara tersebut, Yayasan JCorp mempamerkan program-program kelestarian yang telah dijayakan, serta menunjukkan impak yang telah dicapai melalui pelbagai inisiatif seperti rehabilitasi terumbu karang, pemeliharaan rumput laut, penanaman pokok, rumah hijau pintar, dan pusat kitar semula.

Selain penyertaan di IGEM 2025, Johor Corporation dan Yayasan JCorp terus mengetengahkan pelbagai inisiatif hijau yang menyumbang kepada ekosistem kelestarian Johor menerusi penyertaan dalam pelancaran Dasar Pembangunan Hijau Johor (PPHJ) pada 24 November 2025 di TMIYC. Berangkat bercemar Duli ke program tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, serta Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor. Pada program itu juga, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp berkongsi mengenai program-program utama berkaitan kelestarian alam sekitar serta impak jangka panjangnya di negeri Johor. Penyertaan ini meletakkan Yayasan JCorp sebagai antara peneraju dalam inovasi hijau, di samping membuka peluang kerjasama yang lebih berimpak dalam memperkukuh agenda kelestarian di Malaysia.



Lihat bagaimana Yayasan JCorp dan Kumpulan JCorp merealisasikan masa hadapan yang lebih mampan.



Objektif Program

- ▶ Meningkatkan kesedaran tentang inisiatif hijau serta komitmen Yayasan JCorp dalam memacu agenda ESG.
- ▶ Memberi fokus kepada penyelesaian inovatif yang menyokong pemuliharaan alam sekitar dan kelestarian.
- ▶ Meneroka teknologi baharu serta amalan terbaik dalam memajukan agenda kelestarian.
- ▶ Menjalin kerjasama strategik yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global dan daya tahan alam sekitar.
- ▶ Bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk rakan strategik hijau, ahli akademik, dan pakar industri.

Impak Program

- ▶ **55,000** pengunjung hadir ke IGEM 2025.
- ▶ Penyertaan **420** reruai dibuka.
- ▶ Berjaya berinteraksi dengan lebih **50** pihak berkepentingan baharu.
- ▶ **10** potensi kerjasama dikenal pasti.
- ▶ **5** institusi berminat menyertai program sukarelawan Yayasan JCorp.

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- SWM Environment Sdn Bhd
- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor

LEBIH 107 TAN BOTOL KACA DIKUMPUL MENERUSI CABARAN KACA PUN BOLEH!

Bermula dengan sasaran 30,000kg botol kaca, inisiatif ini mencipta sejarah tersendiri apabila 60 sekolah di seluruh Johor berjaya mengumpulkan 107,202kg kaca menerusi program Cabaran Kaca Pun Boleh! anjuran Yayasan JCorp, SWM Environment, Majlis Bandaraya Johor Bahru, dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Kesemua bahan tersebut disalurkan ke dalam program KITAREcycle. SJK (C) Chung Hwa, Pontian meraih Anugerah Kutipan Kitar Semula Botol Kaca Tertinggi dengan jumlah lebih 26,000 kg, manakala SK Parit Kudus, Pontian memenangi Anugerah Khas Sekolah Aspirasi. Encik Mohamad Azizi Illias, guru dari SK Datuk Usman Awang, Kota Tinggi, menerima Anugerah Khas Guru Harapan Lestari atas dedikasinya memupuk kesedaran kelestarian dalam kalangan pelajar.

Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah telah diadakan pada 2 Disember 2025 di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru. Majlis telah disempurnakan oleh Dr Hajah Aslinda binti Salkin, Pengarah Jabatan Kesihatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru, serta diserikan dengan kehadiran Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, dan Encik Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment. Acara ini meraikan pencapaian luar biasa sekolah-sekolah dan komuniti Johor, sekali gus membuktikan bahawa tindakan diiringi kerjasama kukuh mampu menghasilkan impak alam sekitar yang luar biasa.





Objektif Program

- ▶ Meningkatkan kesedaran awam tentang inisiatif kitar semula botol kaca sebagai usaha menyokong kelestarian dan biodiversiti.
- ▶ Melibatkan sekolah, guru, pelajar, ibu bapa, serta komuniti dalam inisiatif hijau.
- ▶ Memupuk kreativiti dan inovasi menerusi pertandingan berasaskan STEM dan kesenian.

Impak Program

- ▶ **107,200kg** botol kaca berjaya dikumpul, melebihi sasaran asal **30,000kg** iaitu **lebih 250%**.
- ▶ Lebih **123** tan bahan kitar semula berjaya dikumpul pada tahun 2025 menerusi pelbagai inisiatif yang dijayakan Yayasan JCorp.
- ▶ Pengurangan lebih kurang **306,592kg** pelepasan karbon dioksida (CO₂).

BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

Kerjasama

- Universiti Teknologi Malaysia
- Majlis Agama Islam Negeri Johor
- Johor Plantations Group Berhad

MEMBEKALKAN SISTEM SOLAR FOTOVOLTAIK BAHARU KEPADA SEKOLAH LUAR GRID



Pada 17 Disember, di bawah program 'The Future Powered Project', Yayasan JCorp bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Johor Plantations Group Berhad (JPG), serta rakan strategik IJM Industry ICP Piles menyumbangkan Sistem Fotovoltaik Solar berkapasiti 5.6kWp kepada Sekolah Agama Tunjuk Laut, salah sebuah sekolah luar grid di Johor. Sistem ini merangkumi sembilan panel solar, sebuah inverter, serta empat bateri *Lithium Iron Phosphate (LFP)* dengan pemantauan masa nyata berasaskan IoT yang membekalkan tenaga bersih berterusan untuk pembelajaran bagi menggantikan penggunaan generator diesel.



Selain pemasangan solar tersebut, sekolah ini turut menerima dua Smart TV, dua pencetak, 200 buah kerusi dan papan putih, keperluan kembali ke sekolah, serta 250 pek makanan KFC dan Pizza Hut untuk dinikmati oleh para pelajar. Inisiatif ini merupakan satu demonstrasi menyeluruh tentang apa yang boleh dicapai menerusi kolaborasi tanggungjawab sosial korporat dalam membantu komuniti yang memerlukan.



Tonton bagaimana kuasa solar membentuk masa hadapan yang lebih cerah untuk sekolah luar bandar ini.



- ▶ IJM Industry ICP Piles
- ▶ Yayasan Sultan Ibrahim Johor
- ▶ QSR Brand (M) Holdings Sdn Bhd



Objektif Program

- ▶ Menyediakan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui bagi memastikan bekalan elektrik yang stabil untuk sekolah luar grid Johor.
- ▶ Melaksanakan peralihan sepenuhnya daripada penggunaan diesel kepada 100% tenaga solar bagi keperluan elektrik di bilik darjah.
- ▶ Memastikan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran untuk lebih 100 pelajar dan guru menerusi bekalan elektrik yang stabil.
- ▶ Mewujudkan satu model pendidikan berkuasa solar yang boleh diperluaskan ke sekolah luar grid lain di seluruh Johor.

Impak Program

- ▶ Sistem solar PV berkapasiti **5.6kWp** dipasang untuk menjana tenaga bersih di sekolah.
- ▶ **9** panel solar dan **4** bateri LFP digunakan bagi membolehkan bekalan elektrik berterusan sehingga **24** jam.
- ▶ **250** pelajar menerima manfaat daripada persekitaran pembelajaran yang lebih baik dengan sokongan elektrik stabil dan kemudahan digital.
- ▶ Lebih **450** barangan disumbangkan termasuk Smart TV, pencetak, kerusi, papan putih serta barang keperluan kembali ke sekolah.